



Pengunjung khusyuk mencanting batik di gerai pameran Muzium Tekstil.



Tengku Abdullah (tengah) melawat satu demi satu pameran yang disediakan bersempena Hari Muzium Antarabangsa di Muzium Negara baru-baru ini.



Koleksi destar yang dipamerkan untuk tatapan pengunjung.

ROSHLAWATY RAIIEH
roshlawaty@sinarharian.com.my

Tanggal 18 Mei setiap tahun adalah Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan oleh muzium di seluruh dunia. Sambutan tersebut dianggap sebagai perayaan yang memberi pengertian besar kepada dunia muzium sejagat dalam usaha menarik perhatian masyarakat terhadap program dan aktiviti yang diadakan.

Perayaan yang diilhamkan International Council of Museums (ICOM) itu mendapat sambutan yang baik apabila 102 negara mengiktiraf dan mengambil inisiatif untuk memartabatkan Hari Muzium Antarabangsa.

Bertemakan Muzium Dalam Dunia Yang

Martabatkan muzium khazanah negara

Hari Muzium Antarabangsa dekati masyarakat dengan maklumat terkini

Siner 3/6/12 MS 2

adanya sesuatu pameran di mana-mana

berlangsung di situ

Bertemakan Muzium Dalam Dunia Yang Berubah bagi tahun ini, antara objektifnya untuk melindungi warisan budaya bangsa yang menjadi kebanggaan kita. Di samping itu, ia memberi peluang serta kesempatan kepada orang ramai mengunjungi dan mengenali muzium dengan lebih dekat lagi.

Di negara ini, sambutan Hari Muzium Antarabangsa diadakan secara bergilir-gilir dari negeri ke negeri. Di Muzium Negara, sambutan berkenaan diadakan pada 17 hingga 20 Mei lalu dengan menampilkan kepelbagaian produk inovasi dan teknologi yang terkini.

Sambutan yang bertujuan mempromosi peranan dan fungsi muzium, selain mendekati masyarakat dengan badan yang bertanggungjawab memelihara khazanah warisan negara itu turut menjemput beberapa artis tempatan terkenal seperti Dayang Nurfaizah, Nash dan Azharina, selain persembahan kebudayaan 1Malaysia untuk menghiburkan penonton.

Kehadiran sebahagian besar muzium dari seluruh negara dan muzium jabatan serta institusi dapat memeriahkan lagi suasana dan ramai pengunjung teruja untuk mendapatkan informasi terkini mengenai muzium berkenaan.

Cabaran muzium

TARIKAN istimewa di Muzium Negara adalah program *Bermalam di Muzium* pada 18 dan 19 Mei lalu yang memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pengalaman bermalam dan menjalankan tugas kuratorial seperti pengurusan artifak, penyediaan pameran dan aktiviti lain yang menghiburkan.

Turut diadakan ialah pameran kereta antik dan motor berkuasa tinggi di pekarangan muzium. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa di Muzium Negara kali ini disempurnakan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah sebagai mewakili ayahanda baginda, Sultan Pahang.

Seramai lima pesilat Cekak diberi penghormatan untuk membuat persembahan bagi menyambut keberangkatan tiba Tengku Mahkota Pahang. Turut hadir Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim.

Tamat perasmian, Tengku Abdullah diiringi tetamu jemputan khas melihat pameran muzium negeri. Pelbagai agensi turut menampilkan persembahan barang yang mempunyai identiti kenegerian dan agensi masing-masing.

Sementara itu, apabila

adanya sesuatu pameran di mana-mana muzium, ini menarik minat orang ramai untuk berkunjung dan mendapatkan maklumat berkaitan. Begitu juga pada sambutan Hari Muzium Antarabangsa di Muzium Negara, masyarakat berbilang kaum mengambil peluang untuk melihat pameran dengan lebih dekat serta menyertai apa jua aktiviti yang diadakan.

Jika tiada pameran sebegini, mungkin Muzium Negara mahupun muzium negeri sunyi sepi daripada kunjungan masyarakat. Melainkan muzium hanya menjadi tempat rombongan murid sekolah - itu pun dalam suasana pembelajaran dan pengajaran tidak dibawa ke dalam muzium sebaliknya sekadar menonton artifak yang dipamerkan.

Sudah tiba masanya muzium didekatkan kepada masyarakat untuk menarik mereka mendekati muzium. Pendedahan mengenai apa yang ditawarkan mesti disebar luas supaya mereka tahu apa yang sedang

berlangsung di situ.

Pengedaran risalah dan penganjuran kuiz antara kaedah untuk memberi nyawa kepada muzium. Selain itu, cari alternatif menyedarkan masyarakat dan tanamkan dalam minda mereka, bahawa pentingnya muzium sebagaimana pentingnya perpustakaan.

Uniknya destar

SEPANJANG berlegar di Muzium Negara, penulis tertarik dengan muzium yang mempamerkan koleksi destar atau disebut tengkolok iaitu sejenis hiasan kepala.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, destar pada mulanya dicipta untuk melindungi kepala daripada panas terik iaitu dengan melilit kepala dengan kain tetapi kini menempuh perubahan dari segi fungsi berbeza dari satu tempat ke satu tempat.

Destar, antara kelengkapan pakaian Melayu yang unik ciptaannya. Ia dikenali dengan pelbagai nama mengikut daerah seperti bulang hulu, tengkolok, setangan kepala, tanjak dan sembulan.

Di Negeri Sembilan, destar atau tengkolok ini dikenali sebagai *Dendam Tak Sudah*. Mengikut cerita lisan, orang yang pertama menakut Destar *Dendam Tak Sudah* ialah Tuk Permerang Abdullah, iaitu seorang Pegawai 99 Istana Suku Tanah Datar, Kampung Sawah Liat Seri Menanti.

Selain itu pemakaian Destar *Dendam Tak Sudah* ini juga ada peraturan pemakaiannya, iaitu Destar *Dendam Tak Sudah* adalah destar rasmi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Ketika menghadiri majlis adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti, pemakaian destar haruslah lengkap dengan baju Melayu, bersamping dan bengkung.

Warna destar tidak boleh dipakai sedondon dengan baju Melayu dan seluar melainkan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Datuk Undang dan Tunku Besar Tampin serta Putera Yang Empat.

Bentuk destar penuh dengan nilai seni dan keindahan yang masih kekal dan tetap disanjung walaupun tahun beredar dan zaman berubah namun destar tetap indah dan unik.

Mungkin generasi muda boleh mencuba untuk menggayakan destar di kepala mereka. Siapa tahu, ia mungkin akan menjadi trend semasa satu hari nanti.

Helikopter Alouette IIIB buatan Perancis mendapat perhatian ramai sepanjang Hari Muzium Antarabangsa itu berlangsung.

